

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 17/11/2009

Jepun, Korea dan China jadi tumpuan abad ke-21 Asia akan kuasai dunia

Oleh FAIZAH IZZANI ZAKARIA
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 16 Nov. – Rantau Asia terutama Jepun, Korea dan China akan muncul sebagai pusat dan tumpuan dunia pada abad ke-21 ini serta mengambil alih peranan Eropah yang amat dominan dalam pelbagai aspek.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Asia telah mula bangkit dan mulai mengatasi negara-negara Eropah terutama dalam pertumbuhan ekonomi berdasarkan faktor seperti produktiviti.

“Asia terutama tiga negara itu mempunyai produktiviti yang sangat berdisiplin, kreatif, inovatif dan bersifat bersaing. Jadi Asia akan bangkit mendahului Eropah dalam banyak aspek lebih-lebih lagi ekonomi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Siri Syarahan Tokoh-tokoh Terkemuka bertajuk *Asia dan Abad ke-21* anjuran Asia-Europe Institute di sini hari ini.

Hadir pada majlis itu ialah Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah.

Dr. Mahathir berkata, dunia Barat terutama Eropah kini mulai mengalami kejatuhan dan bukan sesuatu yang luar biasa apabila Asia mulai menjadi dominan.

Katanya, daripada aspek sejarah, tamadun kemanusiaan bermula dari Asia lalu diambil oleh Barat sehingga mereka mampu menakluki dunia termasuk menyebarkan budaya mereka.

“Tetapi kini, Asia mampu menyaingi Eropah. Kita boleh lihat orang Jepun bekerja dan membangun melalui masa dan pengalaman mereka, bagaimana mereka sungguh berdisiplin terhadap kerja, itu yang menjadikan mereka sangat maju.

“Oleh kerana itu, produktiviti negara itu sangat baik. Kini China pula mulai bangkit mendominasi dunia, saya amat takutkan China kerana ia kini bukan terkebelakang lagi,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, dengan jumlah penduduk 1.3 bilion, China mempunyai kekuatan yang tidak dapat ditandingi untuk membangun berdasarkan faktor produktiviti.

Katanya, China kini mulai menghasilkan apa yang dunia perlukan di negara itu

sahaja dan menggunakan tenaga sendiri tanpa perlu bergantung kepada sumber luar.

Menurutnya, sikap Barat yang lebih mengutamakan kebebasan dalam banyak perkara terutama kebebasan bersuara telah menyebabkan kegemilangan mereka kini semakin suram.

Beliau berkata, populasi di Barat terutama di Eropah kini telah mulai menjadi tidak produktif berbanding di Asia yang mengamalkan budaya kerja yang begitu berdedikasi dan bersungguhsungguh.

“Sikap orang Eropah yang terlalu suka bercuti daripada bekerja juga memberi kesan kepada produktiviti mereka. Saya harap perkara ini tidak terlalu menjangkiti kita di sini,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, Asia bagaimanapun tidak seharusnya bangkit dan menyaingi Eropah dengan tujuan untuk melawan atau mewujudkan konfrontasi antara rantau.

“Apabila kita sudah menjadi dominan, kita sepatutnya menolong rakan kita yang susah di Eropah mahupun di AS,” katanya.



RAJA Dr. Nazrin Shah bersama Dr. Mahathir Mohamad ketika menghadiri Siri Syarahan Tokoh-tokoh Terkemuka di Kuala Lumpur, semalam.